



SIARAN MEDIA

PEMERKASAAN IKLIN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERPADUAN

PUTRAJAYA, 8 April – Kerajaan MADANI kekal komited dalam memperkukuh pembinaan Negara Bangsa yang berteraskan perpaduan, keharmonian dan hormat-menghormati antara rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di Malaysia. Dalam mendepani cabaran semasa yang semakin kompleks, pendekatan yang lebih strategik, berasaskan data dan berimpak tinggi amat diperlukan bagi memastikan kestabilan sosial terus terpelihara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), **Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) akan dinaiktaraf sebagai Pusat Kecemerlangan Perpaduan, yang berperanan sebagai pemangkin utama dalam memperkukuh ekosistem perpaduan negara secara menyeluruh dan mampan.**

Sehubungan itu, beberapa strategi utama telah dikenal pasti bagi memastikan IKLIN berfungsi secara lebih efektif dan berimpak tinggi:

- i. Merangka **pelan tindakan** yang komprehensif, bersepadu dan berpaksikan data dalam mengurus serta memantau isu-isu berbaur kebencian dan perkembangan semasa yang berpotensi menggugat keharmonian serta kesejahteraan rakyat;
- ii. Menubuhkan **pusat penyelidikan berimpak tinggi yang memfokuskan kepada kajian berkaitan perpaduan nasional, hubungan antara kaum serta analisis terhadap naratif dan kenyataan berbaur kebencian di Malaysia;**

- iii. **Memperkukuh peranan IKLIN sebagai pusat rujukan strategik dengan keupayaan menyediakan input, analisis data** serta pandangan dasar berkaitan perpaduan, pengurusan konflik dan integrasi nasional bagi menyokong penggubalan dasar kerajaan yang lebih tersusun, sistematik dan berkesan;
- iv. Memperkasa pembangunan modal insan sebagai **Jurutera Sosial Perpaduan**, melalui peningkatan kompetensi dalam bidang perpaduan dan kenegaraan agar mampu bertindak sebagai agen transformasi sosial yang berkesan di peringkat akar umbi.

Usaha ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI dalam **memperkukuh asas Negara Bangsa yang inklusif, progresif dan berdaya tahan**. Perpaduan bukan sekadar aspirasi, tetapi merupakan prasyarat utama kepada kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan berteraskan **nilai ihsan, hormat dan kepercayaan, selari dengan prinsip MADANI**, demi membina sebuah Malaysia yang bersatu padu, aman dan gemilang di persada dunia.

Kementerian Perpaduan Negara
8 April 2026
KPN.100-9/1/16 (27)

